

# Keputusan kes sembur Dr M 28 Julai

Oleh Khairul Anuar Abd Samad  
bhnews@bharian.com.my

**K**OTA BHARU: Tokoh perniagaan yang juga Timbalan Presiden Parti Progresif Rakyat (PPP) Datuk Nik Sapeia Nik Yusof, 53, perlu menunggu 28 Julai ini untuk mengetahui nasibnya, sama ada dibebaskan atau perlu membela diri terhadap tuduhan menyembur bahan berbahaya terhadap empat mangsa termasuk Tun Dr Mahathir Mohamad, dua tahun lalu.

Penangguhan keputusan kepada 28 Julai itu diumumkan Majistret Azman Mustafa selepas mendengar Timbalan Pendakwa Raya, Raja Rozela Raja Toran dan Peguambela terduduh, Zainal Abidin Mustafa, menutup hujah masing-masing pada prosiding berlangsung kira-kira dua jam mulai jam 10.05 pagi semalam.

Dalam hujahnya, Zainal Abidin memohon mahkamah membebaskan anak guamnya dan tidak dipanggil membela diri terhadap pertuduhan itu kerana tiada kes *prima facie* terhadap tuduhan dikenakan.

Hujahnya, sepanjang perbicaraan berlangsung, tiada bahan (ingredient) yang dapat dijadikan bukti kes seperti bahan penyembur yang dikenali dengan 'nonivamide' yang digunakan ketika kejadian pada 2006.

"Tidak ada analisis untuk menyatakan bahawa bahan yang digunakan da-



**BERI SOKONGAN:** Nik Sapeia bersama isteri, Dr Suriani binti Yahya dan anaknya, Nik Aidil Marina; 32 (dua dari kiri) dan Nik Aidil Maria; 32, (dua dari kanan) hadir bagi kes sembur pemedih mata terhadap Dr Mahathir, di Mahkamah Kota Bharu, semalam.

lam penyemburan itu adalah nonivamide, sedangkan bahan itu perlu dijadikan bukti.

"Oleh itu, saya memohon supaya OKT (Orang Kena Tuduh) tidak dipanggil membela diri, sebaliknya dibebaskan kerana tiada kes *prima facie* berjaya ditimbulkan terhadapnya," katanya.

Zainal Abidin seterusnya mempertikaikan kredibiliti beberapa saksi pendakwa didapati memberi versi keterangan berbeza antara satu sama lain.

Katanya, sebagai contoh seorang saksi dalam lapo-

ran polis mengatakan beliau diberitahu ramai pihak bahawa orang yang melakukan perbuatan itu adalah beberapa orang yang memakai jaket dikenali sebagai orang yang masuk bersama orang yang bernama Nik Sapeia.

"Saya mempertikaikan kredibiliti beberapa saksi dalam kes ini. Sekiranya mereka bercakap benar, kenapa versi mereka ketara bezanya. Kenapa kita boleh percaya dengan saksi begini," katanya.

Sementara itu, Raja Rozela dalam hujahnya berkata, segala perkara

## FAKTA

### Pertuduhan Nik Sapeia

- Didakwa menyembur bahan berbahaya dengan alat penyembur yang boleh menyebabkan kecederaan terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, Datuk Ibrahim Ali, Nasir Muda dan Suberi Sahidan.

- Didakwa melakukan kesalahan di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), jam 11 pagi pada 28 Julai 2006.

yang dibangkitkan peguam bela tertuduh itu tidak berasas termasuk dakwaan wujudnya orang ketiga yang berjaket hitam dalam kejadian itu.

Katanya, yang penting adalah keterangan cukup daripada mata saksi sendiri pada hari kejadian.

"Daripada keterangan saksi, bahawa OKT yang melakukan (semburan) adalah amat tinggi. Kini penilaian di tangan tuan (Azman), lihat saksi beri keterangan. Mahkamah berada dalam keadaan terbaik untuk menilai setiap saksi terbabit," katanya.